

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Amali Kerja Kayu 8815/1 mengandungi **satu soalan** wajib sahaja. Calon dikehendaki menyiapkan projek yang diberi dalam masa 3 jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang memperolehi markah maksima semakin bertambah. Kebanyakan calon dapat menyiapkan projek/tugasan yang diberi dengan sempurna. Walau bagaimana pun masih ada lagi calon yang tidak dapat menyiapkan tugas yang diberi dengan baik mengikut spesifikasi yang dikendaki oleh peraturan pemerkanan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Kebanyakan calon didalam kumpulan ini dapat mentaksir gambarajah/plan dengan cepat dan juga mempunyai kemahiran yang tinggi. Mereka dapat menyiapkan projek dengan cepat dan tepat. Mereka tidak banyak membuang masa dalam kerja merancang tanda dan melakukan kesilapan menanda dan mengerat. Kerja calon didapati amat baik, pembinaan tanggamnya kemas tepat dan rapat.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon dapat mentaksir gambarajah/plan, tetapi mempunyai kemahiran yang kurang baik. Projek yang dihasilkan didapati kurang tepat. Tanggam yang dihasilkan didapati kurang memuaskan. Pada bahagian tanggam yang diuji didapati saiz lubang puting tidak betul, permukaan tanggam tidak sama dan rata dan sebahagian daripada saiz/ukuran tidak tepat.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Kebanyakan calon dari kumpulan ini tidak dapat melengkapkan tugas dengan baik. Diantara kesilapan yang dilakukan mereka ialah tidak dapat menghasilkan komponen tanggam dengan baik, seperti tidak mengikut perkadaran tanggam yang telah ditetapkan, saiz/ukuran projek tidak betul. Projek yang dihasilkan didapati longgar dan tidak kemas.

PRESTASI TERPERINCI

Calon yang mempunyai kemahiran yang tinggi dapat menyiapkan projek dengan sempurna. Semua komponen tanggam yang dibuat didapati tepat, kemas dan kuat. Projek yang dihasilkan kemas dan kuat. Mereka hanya melakukan kesilapan yang kecil seperti papak tanggam tidak rata atau hujung tanggam tidak dipotong rata.

Sebahagian lagi calon dapat menyiapkan tugas tetapi projeknya didapati kurang memuaskan. Mereka melakukan banyak kesilapan seperti tidak ikut perkadaran tanggam, saiz/ukuran tidak tepat dan mempunyai kelegaan melebihi had yang dibenarkan pada sambungan. Ada sebilangan kecil calon tidak dapat menyiapkan projek.

Banyak calon yang tidak dapat mengawal masa semasa membuat tugas. Mereka mengambil masa yang lama bagi memahami atau mentaksir soalan dan menyiapkan sesuatu komponen tanggam, sering melakukan kesilapan menanda dalam merancang tanda. Tidak mengikut peraturan pembinaan tanggam juga merupakan kesalahan yang sering dilakukan. Ada juga segelintir calon yang tidak faham soalan, tidak mahir merancang tanda menyebabkan projek yang dihasilkan tidak mengikut gambar rajah yang dikehendaki.

SARANAN KEPADA CALON

1. Jangan mengambil masa yang panjang untuk mentaksir atau memahami soalan.
2. Susun rangka projek, rancang tanda dan tanda dengan betul bagi mengelakan kesilapan semasa memotong kayu.
3. Buat peruntukan masa bagi setiap komponen tanggan yang perlu dibuat bagi mengelakan menggunakan masa yang lebih bagi satu-satu tanggam.
4. Guna peralatan yang tajam bagi mempercepatkan kerja dan memperolehi hasil kerja bermutu.
5. Banyakkan latihan membuat tanggam dan membuat ujian masa.

SARANAN KEPADA GURU

1. Projek latihan disekolah hendaklah disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.
2. Pastikan semua calon boleh memahami atau mentaksir plan atau cetakan biru.
3. Disiplinkan calon supaya sentiasa menggunakan peralatan yang tajam semasa membuat kerja.
4. Adakan target masa bagi setiap tanggam atau projek yang perlu disiapkan.